

# Siasatan kes Daim, Ismail Sabri bermula

Isteri dan 2 anak bekas Menteri Kewangan, bekas PM diambil keterangan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Iah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mula menjalankan siasatan terhadap bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin dan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ini selepas isteri Tun Daim, Toh Puan Nai'mah Abdul Khalid dan dua anaknya diminta hadir di ibu pejabat SPRM di sini, semalam dipercayai bagi membantu siasatan terhadap Daim berkaitan perubahan wang haram.

Ismail Sabri pula diambil keterangan oleh SPRM juga semalam, berhubung siasatan penggunaan sejumlah dana bagi tujuan promosi dan publisiti kempen promosi Keluarga Malaysia

oleh pentadbiran sebelum ini.

Sumber memberitahu, keterangan daripada Ahli Parlimen Bera itu tidak dibuat di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, sebaliknya di lokasi lain di ibu negara.

Nai'mah dan dua anaknya, Muhammad Amin Zainuddin dan Muhammad Amir Zainuddin tiba di ibu pejabat SPRM di sini, kira-kira jam 10 pagi bersama dua peguam.

Nai'mah dalam kenyataan yang diedarkan kepada media sebelum memasuki premis SPRM berkenaan berkata, beliau dan anaknya akan memberikan kerjasama kepada SPRM seperti dikehendaki undang-undang.

Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi *BERNAMA* mengesahkan, SPRM perlu mengambil keterangan isteri Daim dan siasatan dibuat mengikut undang-undang berkaitan pencegahan pengubahan wang haram.

SPRM sebelum ini menjelaskan, siasatan terhadap Daim dibuat berdasarkan maklumat daripada Kertas Pandora yang mendedahkan mengenai kekayaannya.

Kertas siasatan terhadap bekas menteri kewangan itu telah dibuka SPRM pada Februari tahun lalu.

Kertas Pandora adalah pendedahan berkaitan rekod kewangan dan dokumen sulit golongan kaya dan berpengaruh dunia yang menyembunyikan kekayaan dengan menggunakan perkhidmatan luar pesisir atau syarikat berpangkalan di luar negara.

Dokumen itu mendapati, anak, isteri atau rakan perniagaan Daim bersama-sama memegang aset bernilai sekurang-kurangnya £25 juta (kira-kira RM141 juta).

Menurut SPRM, siasatan ke atas Daim dibuat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Daim sebelum ini dilaporkan berkata, semua urusannya seperti Kertas Pandora adalah sah dengan semua cukai sudah dibayar.

## Hantar notis Jun lalu

Sebelum ini, SPRM berkata, agensi antirasuah itu telah menghantar notis kepada Daim pada Jun lalu untuk mengisytiharkan hartanya tetapi mendakwa ia tidak dipenuhi walaupun selepas lima tempoh lanjutan diminta oleh bekas menteri kewangan itu.

Ini seterusnya membawa kepada SPRM menyita Menara Ilham, sebuah bangunan bernilai komersial tinggi milik Daim dan keluarganya di Kuala Lumpur, Disember lalu.

Daim juga sebelum ini dilaporkan antara yang turut disiasat SPRM berkait transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997 yang membabitkan Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM), dua entiti yang juga bekas tonggak perniagaan dikaitkan dengan UMNO ketika parti itu mentadbir negara.

Pada 28 Disember lalu, Daim mengecam siasatan SPRM sebagai bermotifkan politik, namun dinafikan oleh suruhanjaya antirasuah itu.

Dakwanya, sehingga kini beliau tidak dimaklumkan mengenai kesalahan yang dilakukannya walaupun sudah berkali-kali mengajukan perkara itu kepada SPRM.

"Saya boleh mendedahkan bahawa kami menerima surat yang ditandatangani oleh (Ketua Pengerusi SPRM, Tan Sri) Azam Baki sendiri yang menolak secara langsung untuk memberitahu apa kesalahan saya.

"Namun, terdapat usaha terancang untuk memburukkan saya



dengan mengeluarkan maklumat salah dan sindiran tidak berasas terhadap saya," katanya dalam kenyataan berkenaan.

Sementara itu, pegawai SPRM merakam kenyataan Ismail Sabri di sekitar ibu negara kira-kira jam 10 pagi.

BH cuba menghubungi Ismail Sabri dan Azam Baki untuk mengesahkan perkara itu, namun panggilan tidak dijawab seketat petang semalam.

BH juga difahamkan SPRM sudah merakam keterangan beberapa individu, termasuk pembantu peribadi kepada Ismail Sabri di bawah AMLATFPUAA 2001 dan Akta SPRM 2009.

Isnin lalu, Azam mengesahkan akan memanggil seorang bekas Perdana Menteri dan pegawainya untuk memberi keterangan berhubung perbelanjaan dana itu selepas lewatnya minggu depan.

Media sebelum ini melaporkan Kerajaan Persekutuan membelanjakan hingga RM700 juta untuk pengiklanan, promosi dan publisiti bagi menghebahkan agenda kerajaan bagi tempoh 2020 hingga 2022.

Susulan itu, SPRM mahu mengenai pasti bagaimana wang itu dibelanja, selain telah memanggil syarikat yang dikatakan menerima dana daripada kerajaan.